

06 DEC 2000

Bonus

TUN DAIM AKAN UMUM JIKA ADA BONUS, KATA SHAFIE

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Kerajaan berkemungkinan memberi bonus atau imbuhan kepada kakitangan awam tetapi Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata pengumuman mengenainya biarlah dibuat oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

"Jika kerajaan jadi memberi bonus, pengumuman mengenainya akan dibuat oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin."

"Ini isu besar, biarlah keputusan dibuat oleh Menteri Kewangan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Shah Alam semalam mengenai kemungkinan bonus atau imbuhan diberikan kepada kakitangan awam tahun ini.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini, Shafie bagaimanapun berkata beliau juga hanya mengetahuinya daripada laporan akhbar yang memetik Dr Mahathir.

Ketika ditanya bila pengumuman akan dibuat oleh Tun Daim, Shafie hanya berkata, "Insya Allah, jika benar kerajaan berhasrat memberi bonus, pengumuman akan dibuat dalam masa terdekat ini."

Dr Mahathir dilaporkan oleh akhbar hari ini sebagai berkata bahawa Tun Daim sedang menimbang kemungkinan membayar bonus atau imbuhan lain kepada kakitangan kerajaan.

Shafie bersetuju dengan pendapat pemberita bahawa jika kerajaan jadi memberi bonus, ia merupakan satu berita gembira kepada kakitangan awam selepas hampa apabila Tun Daim tidak mengumumkan sebarang pemberian bonus atau imbuhan lain ketika pembentangan Belanjawan 2001 Oktober lalu.

"Saya tidak boleh mendedahkan apa-apa butiran... Insya-Allah mungkin ada bonus, mungkin juga," katanya.

-- BERNAMA

SLR MNY PR